



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 22 OKTOBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	'IBU BAPA BENTENG UTAMA BENTUK PERIBADI, NILAI SOSIAL ANAK' - NANCY		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1461664/ibu-bapa-benteng-utama-bentuk-peribadi-nilai-sosial-anak-nancy	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2481100	BERNAMA.COM	
	https://suarasarawak.my/kasih-sayang-keluarga-kunci-tangani-gejala-sosial-remaja/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2481135	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/10/1299313/parents-play-key-role-shaping-kids-personal-and-social-values-%E2%80%93-nancy	NST.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-bapa-benteng-utama-bentuk-peribadi-nilai-sosial-anak-nancy-543878	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	EMPOWERING WOMEN ENTREPRENEURS		POSITIF
	https://www.dailyexpress.com.my/news/268906/empowering-women-entrepreneurs/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LAPAN JENIS KES BABITKAN MURID BERKAITAN KESIHATAN MENTAL		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1461409/lapan-jenis-kes-babitkan-murid-berkaitan-kesihatan-mental	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	CADANGAN SOP SELESAIKAN KES MAHKAMAH KANAK-KANAK DALAM TEMPOH 1 TAHUN LANGKAH TERBAIK - PEGUAM		POSITIF

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278031/cadangan-sop-selesaikan-kes-mahkamah-kanak-kanak-dalam-tempoh-1-tahun>

HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SUKA SAMA SUKA PUNCA KES ROGOL DI KELANTAN NAIK		NEGATIF

<https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/suka-sama-suka-punca-kes-rogol-di-kelantan-naik/>

UTUSAN.COM.MY

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278050/majoriti-kes-rogol-di-kelantan-berlaku-suka-sama-suka-berlaku-di-rumah-dan>

HMETRO.COM.MY

<https://thereporter.my/kes-rogol-suka-sama-suka-di-kelantan/>

THEREPORTER.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	BUDAK 4 TAHUN MAUT, 3 JAM TERTINGGAL DALAM KERETA		NEGATIF

<https://www.kosmo.com.my/2025/10/21/budak-4-tahun-maut-3-jam-tertinggal-dalam-kereta/>

KOSMO.COM.MY

<https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-perempuan-4-tahun-ditemukan-maut-dalam-kenderaan/>

BULETINTV3.MY

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278196/kanak-kanak-4-tahun-meninggal-dunia-dalam-kenderaan>

HMETRO.COM.MY

<https://www.utusan.com.my/berita/2025/10/kanak-kanak-maut-selepas-terkurung-tiga-jam-kereta/>

UTUSAN.COM.MY

<https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-perempuan-meninggal-dunia-akibat-strok-haba>

BERITA.RTM.GOV.MY

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

22/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2481112	BERNAMA.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1461601/budak-perempuan-4-tahun-maut-akibat-strok-haba-tertinggal-dalam	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753413/berita/semasa/tertinggal-dalam-kereta-budak-4-tahun-maut-akibat-strok-haba	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/10/21/girl-4-dies-of-heatstroke-after-left-in-car	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.majalahpama.my/kanak-kanak-maut-akibat-heat-stroke-tanah-putih/	MAJALAHPAMA.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/10/21/kanak-kanak-perempuan-meninggal-dunia-kerana-strok-haba-di-gua-musang-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/21/terkurung-3-jam-dalam-kereta-budak-4-tahun-maut-akibat-strok-haba	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/kanak-kanak-maut-setelah-tertinggal-dalam-kereta-selama-3-jam/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://majoriti.com.my/sukan/2025/10/21/tertinggal-tiga-jam-dalam-kereta-budak-perempuan-umur-4-tahun-maut-akibat-strok-haba-di-kelantan	MAJORITI.COM.MY	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/10/326505/kanak-kanak-perempuan-meninggal-dunia-kerana-strok-haba-di-gua-musang	MEDIASELANGOR.COM	
	https://paultan.org/2025/10/21/seorang-kanak-kanak-perempuan-maut-akibat-strok-haba-selepas-terkurung-dalam-kereta-di-gua-musang/	PAULTAN.ORG	
	https://lobakmerah.com/budak-4-tahun-mut-kerana-strok-haba-3-jam-tertinggal-dalam-kereta/	LOBAKMERAH.COM	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/10/21/tiga-jam-tertinggal-dalam-kereta-depan-rumah-kanak-kanak-4-tahun-meninggal-akibat-strok-haba	MSTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=qQmKvBEtZ9U	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	4 REMAJA DIDAKWA AMANG SEKSUAL PELAJAR PEREMPUAN 15 TAHUN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278119/4-remaja-didakwa-amang-seksual-pelajar-perempuan-15-tahun	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/amang-seksual-pelajar/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1461533/empat-remaja-lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-remaja	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/753392/berita/semasa/empat-remaja-tak-mengaku-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelajar-tingkatan-tiga	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/758627	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/10/21/tiga-pelajar-bekas-pelajar-sekolah-mengaku-tidak-bersalah-tuduhan-rogol/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-baling-empat-remaja-termasuk-tiga-pelajar-mengaku-tidak-bersalah-543865	ASTROAWANI.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/21/4-remaja-didakwa-amang-seksual-pelajar-perempuan	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/10/21/empat-pelajar-dituduh-amang-seksual-remaja-perempuan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=AmQ2O-iTtPY	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BUDAK AUTISTIK 12 TAHUN MAUT JATUH FLAT PPR		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1461570/budak-autistik-12-tahun-maut-jatuh-flat-ppr	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/10/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	PEKERJA KEBUN DIDAKWA AMANG SEKSUAL ANAK SAUDARA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/pekerja-kebun-didakwa-amang-seksual-anak-saudara/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	REMAJA MENGAKU BERSALAH ROGOL PELAJAR		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/remaja-mengaku-bersalah-rogol-pelajar/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1461477/pe-muda-mengaku-salah-rogol-pelajar-tak-pulang-rumah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1278091/mek-anik-mengaku-rogol-pelajar	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : NANCY: PARENTS A MAJOR INFLUENCE IN SHAPING CHILDREN'S VALUES

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Nancy: Parents a major influence in shaping children's values

KUALA LUMPUR: Parents should emphasise discipline, monitoring and communication in shaping their children's personal and social values, says Datuk Seri Nancy Shukri (pic).

The Women, Family and Community Development Minister said parents need to strengthen family values through two-way communication with their children.

Children should be disciplined through a balanced and loving approach, as love and attention in a family can reduce the tendency for teenagers to look for attention outside, she added.

"Everything begins at home. If parents themselves don't teach their children, then that's the root of the problem."

"Children today are exposed to all sorts of gadgets."

"We cannot leave them alone without guidance – if we do, it will result in problems at schools," she said after attending a Bernama TV podcast at the grounds of the World Trade Centre Kuala Lumpur along with Bernama chief executive officer Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin.



Nancy said unsupervised exposure to various online materials has caused some children and teenagers to think that immoral acts are normal.

She also said her ministry has prepared the KafeTEEN Teenager Centre (KafeTEEN) as a safe place for students during school hours to carry out beneficial activities such as debates, self-development and entrepreneurial programmes.

Nancy added that

her ministry offers out-of-school counselling for teenagers or students involved in immoral activities as a rehabilitation measure.

Such services offer a safe haven for teenagers to voice out their issues without worrying about being stigmatised by people around them, Nancy said.

"We have met 13-year-olds who admitted to having sexual relations. So, we help them through open counselling (without stigma),

allowing them to talk in a safe environment," she added.

In a related development, Nancy said the National Family Month in November will focus on the importance of active participation by parents in building good relationships with children.

Nancy said the main event will take place in Putrajaya on Nov 8 and 9, with various interactive activities aimed at fostering closer ties between parents and children in addition to being a platform to strengthen the family unit.



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Ibu bapa benteng utama bentuk peribadi, nilai sosial anak' - Nancy

Oleh Bernama • Oktober 21, 2025 @ 6:01 pm



Nancy (kanan) selepas hadir rakaman temu bual podcast Bernama TV di WTCKL hari ini. Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Penekanan terhadap disiplin, pemantauan dan komunikasi ibu bapa adalah benteng utama dalam membentuk keperibadian serta nilai sosial anak-anak, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, ibu bapa perlu memperkukuh nilai kekeluargaan dengan komunikasi dua hala bersama anak-anak, selain mengamalkan langkah mendisiplinkan mereka melalui pendekatan seimbang dan penuh kasih sayang.

Katanya, bapa juga perlu mendekati anak secara berterusan kerana kasih sayang dan perhatian dalam rumah tangga dapat mengurangkan kecenderungan remaja mencari perhatian di luar.

"Semuanya bermula di rumah. Kalau ibu bapa sendiri tidak membimbing anak, maka di situlah akar masalahnya.

"Anak sekarang terdedah kepada pelbagai gajet. Kita tidak boleh membiarkan mereka tanpa bimbingan, sebab kalau kita biarkan, inilah yang menjadi masalah di sekolah hari ini," katanya selepas menghadiri sesi rakaman podcast bersama Bernama TV di pekarangan Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini.

Nancy berkata, pendedahan kanak-kanak dan remaja tanpa kawalan terhadap pelbagai bahan dalam talian menyebabkan sebahagian golongan itu menganggap perbuatan tidak bermoral sebagai perkara normal.

Pada masa yang sama, beliau berkata, Kementerian menyediakan inisiatif Pusat Remaja KafeTEEN (KafeTEEN) yang berperanan sebagai tempat selamat untuk pelajar selepas waktu sekolah bagi mengikuti aktiviti berfaedah seperti debat, program pembangunan diri dan keusahawanan.

Katanya, ia juga berfungsi sebagai platform untuk membantu mereka menempuhi alam remaja dengan yakin dan selesa melalui bimbingan serta pendidikan.

"Kadang-kadang pelajar balik sekolah dan tiada siapa di rumah. Di KafeTEEN mereka boleh belajar berdebat, mengenali tubuh manusia, malah ada yang dilatih menjadi pemimpin dalam bidang ekonomi," katanya.

Selain itu, Nancy berkata, Kementerian juga menawarkan perkhidmatan kaunseling luar sekolah kepada mana-mana remaja atau pelajar terabit kegiatan tidak bermoral sebagai antara langkah pemulihan.

Beliau berkata, perkhidmatan itu memberi ruang selamat kepada remaja untuk bersuara tanpa bimbang terhadap stigma orang sekeliling.

"Kami pernah temui pelajar 13 tahun yang mengaku sudah beberapa kali terlanjur dalam hubungan seksual. Jadi, kami bantu mereka melalui sesi kaunseling yang terbuka (tanpa stigma) dan selamat untuk mereka bersuara," katanya.

Sementara itu, Nancy berkata, pengumuman Bulan Keluarga Kebangsaan pada November ini akan menekankan kepentingan pembabit aktif ibu bapa dalam membina hubungan mesra dengan anak.

Katanya, acara utama akan diadakan di Putrajaya pada 8 dan 9 November ini, dengan pelbagai pengisian serta aktiviti interaktif mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan anak, selain sebagai platform ilmu memperkukuh institusi kekeluargaan.

Beliau berharap sambutan kali ini dapat menjadi wadah memperkukuh institusi keluarga yang sihat dan harmoni, sekali gus menjadi asas kepada pembentukan generasi lebih berakhlak serta berdaya tahan terhadap cabaran sosial semasa.

"Saya menggesa ibu bapa membawa seisi keluarga khususnya anak menyertai pelbagai program yang kita sediakan pada sambutan kali ini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Empowering women entrepreneurs

Published on: Tuesday, October 21, 2025

By: Ethan Ryan



Noraini taking a closer look at local products.

TENOM: The Government is intensifying efforts to empower women and strengthen family institutions by rolling out more comprehensive policies and programmes nationwide.

Deputy Minister of Women, Family and Community Development, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, said the Ministry is focused on increasing women's participation in the economic sector by expanding access to skills training and financial support.

She said this approach is vital to enabling women to generate income, support their families, and contribute to national socioeconomic growth.

Noraini was speaking at the Mara Women's Empowerment Programme held here, which attracted entrepreneurs, youth, and members of the local community.

She added that the Ministry is enhancing support for single mothers, housewives, low-income women, and vulnerable groups through targeted assistance, community initiatives, and strengthened social support networks.

"Attention is also being given to cultivating more women entrepreneurs in both urban and rural settings. With the right financial assistance and training, women can grow from running small enterprises to managing larger businesses," she said.

At the same time, the Ministry is reinforcing family welfare and child protection efforts through improved social support centres, early intervention strategies, and systematic measures to combat domestic violence.

Noraini expressed confidence that this Integrated approach would solidify women's role as key contributors to national development while keeping family well-being at the forefront.

During the event, Yayasan Pelajaran Mara presented contributions and awards, including the "Pesona Karisma and Successful Women Entrepreneurs – Women Entrepreneur Icon" awards, honouring excellence in entrepreneurship.

Mara also announced over RM1 million in facilities to support the development of women entrepreneurs and rural skills enhancement programmes.

The programme was recognised as a vital platform to uplift grassroots women and support the Government's goal of expanding women's involvement across key strategic sectors.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lapan jenis kes babitkan murid berkaitan kesihatan mental

Oleh Suzalina Halid - Oktober 21, 2025 @ 10:45am



Laporan dedahkan dalam tempoh 19 tahun, satu dalam setiap 8 remaja ada pemikiran untuk bunuh diri. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja mendedahkan terdapat lapan jenis kes membabitkan murid yang biasa dirujuk berkaitan kesihatan mental, antaranya mangsa buli, gangguan seksual, kemurungan dan kebimbangan.

Pengerusi I-Medik Pahang, Dr Rozanizam Zakaria, berkata ada juga mereka yang dirujuk mempunyai masalah mencederakan diri sendiri disebabkan tekanan.

"Bagi masalah kemurungan dalam kalangan remaja, ia antaranya berpunca daripada masalah ibu bapa, keluarga yang berantakan, tekanan di sekolah dan masalah dengan rakan.



Dr Rozanizam Zakaria.

"Kes lain yang biasa dirujuk ialah masalah kebimbangan menyebabkan mereka enggan ke sekolah, masalah pembelajaran dan murid berkeperluan khas," katanya kepada BH.

Sebelum ini, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, mengumumkan lima komponen utama reformasi serta merta pendidikan negara dalam usaha memastikan sekolah menjadi premis lebih selamat untuk semua antaranya membabitkan aspek kesihatan mental dan larangan keras membawa bahan terlarang serta berbahaya.

Fadhlina dilaporkan berkata, aspek lain yang diberi penekanan ialah pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial, Dasar Perlindungan Kanak-kanak (CPP) dan bimbingan serta sokongan daripada guru.

Dr Rozanizam berkata, berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan (KKM), pola dalam tempoh 19 tahun ini menunjukkan satu dalam setiap lapan remaja mempunyai pemikiran untuk membunuh diri.

Beliau berkata, satu dalam setiap 10 remaja pula mencuba untuk membunuh diri membabitkan 13.4 peratus adalah perempuan, berbanding 5.7 peratus lelaki.

"Setiap satu dalam empat remaja pula mengakui mengalami tekanan, dengan dua kali ganda jumlah itu adalah perempuan iaitu 36.1 peratus berbanding 17.7 peratus," katanya.

Syor pegawai psikologi

Beliau berkata, bagi memastikan aspek kesihatan mental dalam kalangan murid, KPM dicadang mewujudkan jawatan pegawai psikologi atau kaunselor di setiap pejabat pendidikan daerah (PPD) dengan kelayakan sekurang-kurangnya sarjana.

Beliau berkata, ini kerana sebahagian guru kaunseling di sekolah adalah berstatus guru bimbingan dan kaunseling yang hanya memegang jawatan itu tanpa kelayakan sebenarnya atau latihan spesifik.

"Jika ada perjawatan pegawai psikologi dan kaunselor pakar di setiap PPD, mereka boleh berperanan menyelaras kes atau menjadi tempat rujukan guru untuk memberi intervensi yang spesifik kepada pelajar.

"Mereka kemudian boleh dirujuk ke klinik psikiatri sekiranya memerlukan penilaian lanjut," katanya.

Beliau berkata, KPM juga perlu memanfaatkan saringan minda sihat dengan menggunakan dapatan daripada data yang dikumpul itu untuk merangka satu dasar menyeluruh berhubung kesihatan mental.

Katanya, dapatan daripada saringan minda sihat itu penting untuk menyelaras data sedia ada mengenai isu kesihatan mental sebenar dalam kalangan pelajar sebelum boleh melaksanakan tindakan susulan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cadangan SOP selesaikan kes mahkamah kanak-kanak dalam tempoh 1 tahun langkah terbaik - Peguam

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my



SALIM Bashir. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Cadangan kerajaan menetapkan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi memastikan semua kes mahkamah membabitkan kanak-kanak diselesaikan dalam tempoh setahun disifatkan sebagai langkah baik, namun tidak wajar digunakan hingga menjejaskan prinsip keadilan.

Peguam dan bekas Presiden Majlis Peguam Malaysia Salim Bashir berkata, garis panduan itu perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta tidak seharusnya menjadi alasan untuk mengurangkan ruang masa dalam proses perbicaraan.

"SOP baharu yang dicadangkan kerajaan adalah baik bagi tujuan pelaksanaan bagi membolehkan kes membabitkan kanak-kanak diselesaikan dalam tempoh setahun.

"Namun, garis panduan itu tidak sepatutnya digunakan dalam apa jua keadaan untuk kompromi prosedur perbicaraan dalam menentukan keadilan semua pihak," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, panduan itu juga wajar diguna pakai bukan sahaja bagi kes membabitkan kanak-kanak sebagai mangsa atau pengadu tetapi turut meliputi kanak-kanak tertuduh, terutama mereka yang direman di bawah kuasa pihak penjara bagi pelbagai kesalahan jenayah.

"Garis panduan ini adalah baik jika dipraktikkan oleh mahkamah sebaik mungkin dengan budi bicara kehakiman, mengambil kira bahawa setiap kes mempunyai selok-belok pendakwaan dan pembelaan tersendiri.

"Mahkamah perlu menggunakan budi bicara bagi menentukan kes diadili sebaik mungkin serta ruang dan masa yang mencukupi diberikan kepada semua pihak dalam mencapai keadilan, sambil cuba menyelesaikan kes mengikut acuan garis panduan yang dicadangkan," katanya.

Beliau berkata, sistem kehakiman perlu tetap berpaksikan undang-undang sedia ada termasuk Kanun Acara Jenayah, Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Keterangan 1950 dan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024 yang mempunyai kuasa mengatasi mana-mana garis panduan baharu.

"Kita perlu akur bahawa prosedur perbicaraan di bawah undang-undang ini mengatasi sebarang garis panduan dalam sesuatu perbicaraan yang membabitkan kanak-kanak," katanya.

Sebelum ini, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memaklumkan sedang menggubal SOP baharu bagi mempercepatkan penyelesaian semua kes mahkamah membabitkan kanak-kanak dalam tempoh tidak lebih setahun.

Langkah itu bertujuan mengutamakan kebajikan kanak-kanak selain mengelak kelewatan perbicaraan yang boleh memberi kesan psikologi kepada mangsa mahupun tertuduh bawah umur.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suka sama suka punca kes rogol di Kelantan naik



MOHD. Yusoff Mamat (kanan) bersalaman dengan pegawaiinya selepas merasmikan perhimpunan bulanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, Kota Bharu, Kelantan hari ini-UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN.

Oleh : YATIMIN ABDULLAH 21 Oktober 2025, 1:10 pm

KOTA BHARU: Peningkatan kes rogol bawah umur di negeri berpunca daripada tindakan suka sama suka antara pasangan yang mengundang kepada perlakuan tidak bermoral itu.

Ketua Polis negeri Datuk Mohd. Yusoff Mamat berkata, perkara itu terbongkar selepas keluarga atau pihak hospital membuat laporan kepada polis selepas mengetahui kejadian tersebut.

Katanya, sebanyak 131 kes telah direkodkan sepanjang Januari hingga September lalu berbanding tempoh sama tahun lalu sebanyak 114 kes.

"Bagaimanapun mungkin ada yang tidak membuat laporan polis kerana keluarga malu selepas ia membabitkan kes suka sama suka," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Yusoff memberitahu, kebanyakan kes ini dikesan berlaku di rumah mereka sendiri.

Katanya, ada juga yang mengikut lelaki pergi ke rumah atau lelaki dijemput datang rumah perempuan.

"Selain itu, ada yang melakukan perbuatan terkutuk itu di hotel bajet. Saya mengingatkan ibu bapa supaya sentiasa memantau pergerakan anak-anak selain semua pihak perlu mengambil tanggungjawab bagi menangani jenayah rogol.

"Kita perlu mengambil tahu keadaan sekeliling, bukannya bersikap tidak mengambil peduli," ujarinya. -UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BUDAK MAUT AKIBAT STROK HABA

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Budak maut akibat strok haba

Mangsa berusia 4 tahun ditemukan tidak sedarkan diri dalam kenderaan

Oleh Paya Linda Yahya
bhnews@bh.com.my

Gua Musang: Seorang kanak-kanak perempuan ditemukan maut di dalam sebuah kenderaan di Tanah Putih, di sini, kelmarin akibat strok haba.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.50 petang itu, kanak-kanak perempuan berusia empat tahun ditemukan tidak se-

darkan diri di dalam kenderaan sebelum disahkan meninggal dunia.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, sebaik ditemui, mangsa dikejarkan ke Hospital Gua Musang sebelum disahkan meninggal dunia.

Jangan buat spekulasi

Katanya, bedah siasat mendapa-

ti punca kematian kanak-kanak itu mengesahkan punca kematian adalah disebabkan 'Heat Stroke'.

"Kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan Laporan Kematian Mengejut dan masih dalam siasatan.

"Pihak polis menasihati orang awam supaya tidak membuat sebarang spekulasi

berkaitan kejadian ini yang mana boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat.

Polis juga menasihati ibu bapa supaya memastikan keselamatan anak-anak masing-masing.

"Orang awam yang ada maklumat boleh tampil di mana-mana balai polis berhampiran selain menghubungi talian 09-9121222," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FOUR-YEAR-OLD GIRL DIES OF HEAT STROKE AFTER BEING LEFT IN CAR IN GUA MUSANG

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Four-year-old girl dies of heat stroke after being left in car in Gua Musang

KOTA BHARU: A four-year-old girl died of heat stroke in Tanah Putih, Gua Musang on Monday after being found unconscious inside a car.

Gua Musang police chief Supt Sik Choon Foo said police received a report on the incident at 3.5 pm from a man who

informed them about finding the girl.

The victim was taken to Gua Musang Hospital but was pronounced dead upon arrival.

"A post-mortem determined that the cause of death was heat stroke," he said in a statement yesterday. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa yang meninggal dunia akibat strok haba selepas tertinggal di dalam sebuah kereta di Kampung Tanah Putih, Gua Musang semalam.

Budak 4 tahun maut, 3 jam tertinggal dalam kereta

Oleh AIMUNI TUAN LAH 21 Oktober 2025, 4:33 pm

GUA MUSANG – Seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun maut akibat strok haba selepas tertinggal di dalam sebuah kereta selama tiga jam di Kampung Tanah Putih di sini semalam.

Mangsa dipercayai meninggal dunia di dalam kereta apabila keluarganya terlupa membawa masuk ke dalam rumah selepas pulang dari sarapan.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, pihaknya menerima maklumat mangsa tidak sedarkan diri dalam kereta sebelum disahkan meninggal dunia di Hospital Gua Musang di sini kira-kira pukul 3.50 petang,

Menurutnya, proses bedah siasat dijalankan oleh Pakar Patologi Forensik Hospital Gua Musang dan mengesahkan punca kematian anak bongsu daripada dua beradik itu disebabkan oleh strok haba.

Orang awam diingatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan kejadian itu dan kes diklasifikasi sebagai mati mengejut, namun siasatan lanjut masih dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 4 REMAJA DITUDUH LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

4 remaja dituduh lakukan amang seksual fizikal

**Tertuduh diikat
jamin RM3,000
seorang, kes
disebut semula
27 November**

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Baling: Empat remaja lelaki termasuk tiga pelajar berusia 15 dan 17 tahun dihadapkan ke Mahkamah Kanak-Kanak di sini semalam, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal secara berasingan terhadap seorang pelajar perempuan berusia 15 tahun.

Semua tertuduh yang diiringi waris masing-masing, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan itu yang dikemukakan terhadap mereka ketika prosiding secara tertutup di hadapan Hakim, Rohaida Ishak.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 15 tahun di ladang sawit Becah Sawa, Siong, dan di dalam kelas sebuah sekolah menengah di sini.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dalam kejadian yang berlaku pada Jun, Julai dan Ogos lalu.

Semua tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit ke-

salahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Amirul Halimi Md Salleh, manakala semua tertuduh belum diwakili peguam bela.

Pengakuan tidak bersalah

Susulan pengakuan tidak bersalah oleh semua tertuduh, mahkamah kemudian membenarkan masing-masing diikat jamin RM3,000 seorang oleh seorang penjamin sebelum menetapkan 27 November ini sebagai tarikh sebutan semula.

Media sebelum ini melaporkan, tiga pelajar dan seorang bekas pelajar sebuah sekolah menengah di sini, ditahan selepas disyaki melakukan rogol dan menyebarkan bahan lucah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SEMUA TAK MENGAKU SALAH

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh M Hifzuddin
Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Baling

Empat remaja lelaki termasuk tiga pelajar berusia 15 dan 17 tahun didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal secara berasingan terhadap seorang pelajar perempuan berusia 15 tahun.

Semua tertuduh yang diiringi waris masing-masing membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan secara tertutup ke atas mereka dibacakan di hadapan Hakim Rohaida Ishak.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan yang berusia 15 tahun di ladang sawit Bech Sawa, Siong dan di dalam kelas sebuah sekolah menengah, di sini pada Jun, Julai dan Ogos lalu.

Berikutan itu, semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum



EMPAT remaja dihadapkan ke Mahkamah Kanak-Kanak di Baling atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal secara berasingan terhadap seorang pelajar perempuan berusia 15 tahun, semalam. - Gambar BERNAMA

Semua tak mengaku salah

4 remaja lelaki didakwa buat amang seksual terhadap pelajar perempuan 15 tahun

penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Amirul Halimi Md Salleh, manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian

membenarkan semua tertuduh diikat jamin RM3,000 seorang dan seorang penjamin serta menetapkan 27 November depan se-

bagai tarikh sebutan semula.

Seorang daripada suspek ditahan disyaki teman lelaki mangsa

Media sebelum ini melaporkan tiga pelajar dan seorang bekas pelajar sebuah

sekolah menengah di sini, ditahan pihak berkuasa selepas disyaki melakukan rogol dan menyebarkan bahan lucah.

Penahanan itu dilakukan selepas pengadu berusia 53 tahun memaklumkan guru disiplin sekolah itu pada

jam 11 pagi, Ahad lalu, berkaitan penuliran rakaman video anaknya berusia 15 tahun berbogel.

Seorang daripada suspek berusia 17 tahun yang ditahan itu disyaki adalah teman lelaki kepada mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 4 TEENS PLEAD NOT GUILTY TO SEXUAL ASSAULT ON GIRL, 14

HARI : RABU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

NOV 27 FOR CASE MENTION

4 teens plead not guilty to sexual assault on girl, 14

BALING: Four teenage boys yesterday pleaded not guilty at the Baling Children's Court to separate charges of physical sexual assault involving a 14-year-old girl.

The accused, three aged 15 and one aged 17, entered their pleas before judge Rohaida Ishak during closed-door proceedings.

According to the charges, the alleged incidents took place on four occasions in June, July and August in several locations, including a classroom and oil palm estates in Siong.

The charges were framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a maximum penal-

ty of 20 years in prison and whipping upon conviction.

Deputy public prosecutor Amirul Halimi Md Salleh appeared for the prosecution, while the boys were unrepresented.

The court set bail at RM3,000 for each accused and fixed Nov 27 for mention. All four posted bail.

It was reported recently that the four, who included a school dropout, had engaged in sexual acts with the girl in various locations.

They were arrested after a report was lodged by a 53-year-old man, who had been informed by a school discipline teacher about the circulation of a nude video of his daughter.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FOUR TEENS CHARGED WITH SEXUALLY ASSAULTING FORM 3 STUDENT IN SCHOOL

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



The four teenagers arrive at the court for the proceeding. — Bernama photo

Four teens charged with sexually assaulting Form 3 student in school

BALING: Four teenage boys pleaded not guilty at the Children's Court yesterday to charges of sexually assaulting a Form 3 female student.

The accused, aged 15 to 17, comprising one former and three current students of the school, were charged separately in a closed proceeding before Judge Rohaida Ishak.

Each was charged with committing physical sexual assault on the 15-year-old girl at the Becah Sawa oil palm plantation in Siong, as well as

inside a classroom at the school, on various dates in June, July, and August of last year.

They were charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a maximum penalty of 20 years' imprisonment and caning, upon conviction.

Deputy public prosecutor Amirul Halimi Md Salleh appeared for the prosecution, while the accused were unrepresented.

Following the proceeding, the prosecution informed the media

that the teenagers had chosen to claim trial.

The court granted each accused bail of RM3,000 with one surety and set Nov 27 for the next case mention.

It was previously reported that four accused were arrested in connection with the sexual offence and distribution of lewd material.

The arrest came after a 53-year-old parent alerted the school's disciplinary teacher that a video of the 15-year-old was being circulated. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TEENS DENY ASSAULT CHARGES

HARI : RABU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Teens deny assault charges

Four accused of attack plead not guilty in closed-door hearing

BALING: Four teenagers pleaded not guilty at the Children's Court here to charges of sexually assaulting a 15-year-old student.

The accused, aged between 15 and 17, were charged separately in a closed-door proceeding before Judge Rohaida Ishak yesterday.

One of them is a former student, while the others are current

students of a secondary school.

Each is accused of committing physical sexual assault on the teenage girl at the Becah Sawa oil palm plantation in Siong, as well as inside a classroom at a secondary school here, on various dates in June, July and August last year.

They were charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act

2017, which carries a maximum penalty of 20 years imprisonment and caning upon conviction.

After the proceeding, the prosecution informed the media that the teenagers had pleaded not guilty, Bernama reported.

The court then granted each accused bail of RM3,000 with one surety and set Nov 27 for the next case mention.

It was reported that three students and a former student from a secondary school were arrested in connection with the sexual offence and the distribution of lewd material.

The arrests were made after a 53-year-old parent alerted the school's disciplinary teacher that a video of the victim was being circulated.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4 remaja didakwa amang seksual pelajar perempuan 15 tahun

M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my



Empat remaja yang dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan merogol pelajar sekolah di Mahkamah Baling. FOTO WAN NABIL NASIR

Baling: Empat remaja lelaki termasuk tiga pelajar berusia 15 dan 17 tahun didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal secara berasingan terhadap pelajar perempuan berusia 15 tahun.

Semua tertuduh yang diiringi waris masing-masing membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan secara tertutup ke atas mereka dibacakan di hadapan Hakim Rohaida Ishak.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 15 tahun di ladang sawit Becah Sawa, Siong dan di dalam kelas sebuah sekolah menengah di sini pada Jun, Julai dan Ogos lalu.

Berikutan itu, semua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Amirul Halimi Md Salleh, manakala semua tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian membenarkan semua tertuduh diikat jamin RM3,000 seorang dan seorang penjamin serta menetapkan 27 November depan sebagai tarikh sebutan semula.

Media sebelum ini melaporkan, tiga pelajar dan seorang bekas pelajar sebuah sekolah menengah di sini, ditahan selepas disyaki melakukan rogol dan menyebarkan bahan lucah.

Penahanan itu dilakukan selepas pengadu berusia 53 tahun memaklumkan guru disiplin sekolah itu pada jam 11 pagi, Ahad lalu, berkaitan penulatan rakaman video anaknya berusia 15 tahun berbogel.

Seorang daripada suspek berusia 17 tahun yang ditahan itu disyaki adalah teman lelaki kepada mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak autistik 12 tahun maut jatuh flat PPR

Oleh Mary Victoria Dass - Oktober 21, 2025 @ 3:10pm



Zamzuri (tengah) dan Ishak (kiri) serta ahli keluarga Imullah menunjukkan lokasi Mohd Nasri terjatuh di Blok A, PPR Cahaya Senibong. - Foto NSTP/Mary Victoria Dass

JOHOR BAHRU: "Masih terngiang-ngiang bunyi jiran ketuk pintu dengan kuat pada awal pagi Sabtu ketika kami sedang tidur dan memaklumkan anak syurga kami jatuh flat," kata Atikah Nabilah Mohd Ramli, 29.

Surirumah itu berkata, anaknya, Mohd Nasri Na'imullah Abdul Aziz, 12, yang juga kanak-kanak autistik dan murid Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kota Masai sebelum itu dilihat tidur bersama adik-beradiknyanya di sebuah bilik di rumahnya di Blok A, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Cahaya Senibong di Masai di sini.

Menurutnya, tanpa pengetahuan ahli keluarga, anaknya ke bahagian belakang rumah sebelum terjatuh dari tingkat empat dipercayai ketika memanjat tembok di bahagian belakang rumah.

Katanya, jiran menemukan anaknya dalam keadaan tidak sedarkan diri dan memaklumkan kepada mereka pada jam 2 pagi.

"Suami segera ke bawah dan mendapati Mohd Nasri masih ada dan kemudian membawanya ke Hospital Sultan Ismail (HSI) dengan ambulans.

"Anak pada awalnya dimasukkan ke zon merah di hospital berkenaan sebelum dipindahkan ke unit rawatan rapi (ICU) pada waktu petang berikutan pendarahan serius di kepala.

"Doktor tidak menyatakan anak kami mati otak namun sebagai ibu saya faham menerusi penerangan diberikan kerana menyatakan tiada pembedahan atau rawatan sesuai baginya kerana otaknya tidak berfungsi lagi.

"Pada jam 7 pagi Ahad lalu, kami dapat panggilan daripada pihak HSI memaklumkan anak kritikal dan meminta kami segera ke hospital," katanya.

Ibu kepada empat cahaya mata itu berkata, arwah pulang kepada pencipta pada jam 11 pagi Ahad lalu sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Cahaya Masai.

Menurutnya, kehilangan arwah amat dirasai kerana Mohd Nasri Na'imullah adalah seorang yang ceria dan gemar berinteraksi walaupun pertuturannya sukar difahami.

"Sehari sebelum kejadian kami ada memohon bantuan kewangan bagi pemasangan jeriji di rumah ini yang dihuni kami sejak Februari tahun lalu namun ia sudah terlambat.

"Kami memang pelik kerana rumah ini tiada jeriji di bahagian pintu hadapan mahupun di ruangan 'yard'.

"Kejadian seumpama ini pernah berlaku membabitkan seorang kanak-kanak lelaki yang patah kaki selepas terjatuh dari 'yard' tingkat dua," katanya.

Atikah Nabilah berkata, suaminya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan pernah meminta sebut harga bagi pemasangan jeriji mencecah RM1,500, namun terpaksa menangguhkan hasrat atas faktor kewangan.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan Ketua Kampung Kuala Masai, Zamzuri Ali dan ahli Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) Zon Cendana, Ishak Mohd Yusoff di Blok A, PPR Cahaya Senibong di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Mohd Raub Selamat mengesahkan menerima laporan berkaitan kejadian menimpa kanak-kanak autistik itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pekerja kebun didakwa amang seksual anak saudara

🕒 21 Oktober 2025, 12:25pm



Oleh: Alias Abd Rani

MUAR: Seorang pekerja kebun dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tiga pertuduhan amang seksual fizikal, merogol dan persetubuhan luar tabii terhadap anak saudaranya ketika berusia 16 tahun, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh berusia 27 tahun hanya mengaku bagi pertuduhan amang seksual fizikal, manakala dua lagi mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Mengikut semua pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di Tangkak, pada jam 6.30 pagi, 25 Julai 2023.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376 (1) dan Seksyen 377C Kanun Keseksaan serta Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksyen Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Hukuman bagi setiap pertuduhan ialah penjara hingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh membayarnya.

Selain itu, mahkamah juga menetapkan 28 Oktober ini untuk serahan dokumen dan lantikan peguam tertuduh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MEKANIK MENGAKU BERSALAH NODA PELAJAR BERUSIA 15 TAHUN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 OKTOBER 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Mekanik mengaku bersalah noda pelajar berusia 15 tahun

Muar: Seorang mekanik mengaku bersalah di Mahkamah Sesi di sini, semalam atas pertuduhan merogol pelajar perempuan minggu lalu.

Tertuduh, Muhammad Iqbal Kamal Jalil, 20, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol kenalan berusia 15 tahun itu di sebuah rumah di Tang-

kak pada jam 4 pagi, 12 Oktober lalu.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksan yang memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan.

Mahkamah kemudian menetapkan 27 November ini untuk laporan akhlak, fakta dan hukuman serta menawarkan ikat jamin RM10,000 terhadapnya.

Bagaimanapun, tertuduh tidak mampu mem-

bayar ikat jamin sebelum dihantar ke Pusat Koreksional Muar untuk tahanan sementara.

Sementara itu, di mahkamah yang sama, seorang pekerja kebun berhadapan tiga pertuduhan amang seksual fizikal, merogol dan persekutuan luar tabii terhadap anak saudaranya ketika be-

rusia 16 tahun, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh yang berusia 27 tahun hanya mengaku bagi pertuduhan amang seksual fizikal manakala dua lagi kesalahan mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan.

Mengikut kesemua pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan

itu di sebuah rumah di Tangkak, pada jam 6.30 pagi, 25 Julai 2023.

Dia didakwa mengikut Seksyen 376 (1) dan Seksyen 377C Kanun Keseksan serta Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksyen Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017.

Hukuman bagi setiap pertuduhan ialah penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh membayarnya.

Selain itu, mahkamah juga menetapkan 28 Oktober ini untuk serahan dokumen dan lantikan peguam tertuduh.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Ameerah Allaudeen manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mekanik dikenakan ikat jamin RM10,000, tetapi tak mampu bayar

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Remaja mengaku bersalah rogol pelajar

🕒 21 Oktober 2025, 12:22pm



Foto hiasan

Oleh: Alias Abd Rani

MUAR: Seorang remaja mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol pelajar perempuan yang dilaporkan tidak pulang ke rumah, minggu lalu.

Tertuduh, Muhammad Iqbal Kamal Jalil, 20, yang juga pekerja bengkel motosikal membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dikemukakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Khairi Haron.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa merogol pelajar yang juga kenalannya berusia 15 tahun di sebuah rumah di Tangkak, pada jam 4 pagi, 12 Oktober lalu.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara hingga 20 tahun dan juga sebatan.

Mahkamah kemudian menetapkan 27 November ini untuk laporan akhlak, fakta dan hukuman serta menawarkan ikat jamin RM10,000 terhadapnya.

Bagaimanapun, tertuduh tidak mampu membayar ikat jamin sebelum dihantar ke Pusat Koreksional Muar untuk tahanan sementara.